

CNS4235

U GB 21-02 00158 BH568

aab

Umno - Rasmi

KOTA KINABALU, 21 Feb (Bernama) -- Tepat 2.40 petang ini, Umno secara rasmi masuk ke Sabah apabila Presidennya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengisytiharkan demikian pada perasmian Perhimpunan Agung Usno di sini.

Sejurus selepas Perdana Menteri merasmikan perhimpunan itu, beliau berkata +Dengan ini juga, saya mengisytiharkan kemasukan Umno ke Sabah secara rasmi.+

Datuk Seri Dr Mahathir, kemudian memalu gong dan ini disambut dengan tepukan gemuruh para perwakilan dan pemerhati serta paluan kompang dan alat-alat muzik tradisional tempatan.

Presiden Usno, Tun Datu Mustapha Datu Harun merupakan rakyat Sabah yang pertama mengemukakan borang permohonan menyertai Umno kepada Datuk Seri Dr Mahathir. Borang itu kemudian diserahkan oleh Perdana Menteri kepada Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Sakaran Dandai, Naib-naib Presiden, para Anggota Majlis Tertinggi dan Ketua-ketua Bahagian juga menyerahkan borang masing-masing kepada Perdana Menteri selepas itu.  
-- Lagi

♥21/02/19-18MST

CNS4236

U GB 21-02 00068 BH569

aab

Umno - Rasmi 2 Kota Kinabalu

Majlis disusuli dengan upacara menaikkan bendera Umno oleh anggota exco pemuda Usno, Ajim Abdullah.

Ketika bendera dinaikkan, anggota koir Usno yang dipimpin oleh Encik M. Y. Ahmad dan Puan Norjan Khan Badar menyampaikan beberapa lagu termasuk lagu Umno dan Setia.

Datuk Seri Dr Mahathir dan Datuk Mohamad Rahmat turut menyanyi.--  
Bernama

♥21/02/19-18MST